

**KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN ASET ALIH  
HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH**

1. Tender adalah dipelawa kepada pihak yang layak/ berminat untuk membeli Aset Alih seperti berikut:-

Bil.	Keterangan Aset Alih	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Fluroscopic	Tidak Berkenaan	Satu (1)	Dikecualikan

\* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada 17 Mac 2025 hingga 07 April 2025 di antara jam 9.00 pagi hingga 4:00 petang (Isnin-Jumaat) kecuali hari Sabtu, Ahad dan cuti umum bertempat di Unit Pengurusan Aset, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Jalan Langat, 41200 Klang, Selangor.
3. Tender akan ditutup pada 8 April 2025 jam 12.00 tengah hari.
4. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Tender Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-25)** yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 5. Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari bagi tender tempatan atau 120 hari bagi tender antarabangsa bermula dari tarikh tender ditutup.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul **berlakri dan di tanda dengan No. Tender: 01(S)/2025 (ASET TENDER) HTAR** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

**PENGARAH HOSPITAL  
ARAS 2, UNIT PEROLEHAN, KOMPLEKS PENGURUSAN  
HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH KLANG  
JALAN LANGAT, 41200 KLANG  
SELANGOR DARUL EHSAN**

## 6. SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TENDER

- 6.1 Tender adalah dipelawa kepada Syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang (221902)-Membeli Barang Lulus Perlu Permit dan tawaran ini hanya dibuka kepada syarikat yang tersenarai dalam senarai Premis Pemerolehan Kembali e-Waste yang dilesenkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS).
- 6.2 Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat sahaja dan tidak boleh ditawarkan kepada orang perseorangan.
- 6.3 Harga simpanan adalah dikecualikan. Pemilihan syarikat adalah berdasarkan tawaran yang tertinggi.
- 6.4 Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau tertakluk kepada maksimum RM10,000.00. Deposit Tender hendaklah dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank/ Jaminan Bank atas nama: **PENGARAH HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH KLANG**
- 6.5 Tawaran tanpa/kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
- 6.6 Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
- 6.7 Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.
- 6.8 Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset alih seperti kosmenanggal (*dismantle*), mengangkut, cukai duti import dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- 6.9 Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.
- 6.10 Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.